

29 JANUARI 2018

679 pelajar terlibat najis dadah

10 NEGARA

KOSMO! ISNIN 29 JANUARI 2018

Trend penagihan mula berubah dengan penggunaan dadah jenis sintetik

679 pelajar terlibat najis dadah

KUALA TERENGGANU - Seramai 679 pelajar di seluruh negara ditangkap sepanjang tahun lalu atas kesalahan terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, di negeri Terengganu sahaja, jumlah pelajar yang ditangkap atas kesalahan itu adalah seramai 38 pelajar atau bersamaan lapan peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Walaupun jumlah tangkapan tidak besar jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang ada tetapi ia pada tahap merisaukan kerana isu dadah merupakan isu yang sukar ditangani kerana trend kesalahan dadah setiap tahun berubah-ubah.

"Kalau dahulu kita didedahkan penggunaan dadah jenis ganja, heroin, morfin dan sebagainya tetapi kini ada dadah jenis sintetik seperti pil kuda, syabu, ais dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian Sijil Watikah Pelantikan Pengawas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cendering di sini semalam.

Mengulas mengenai trend dadah jenis baharu dikenali *New Psychoactive Substances* (NPS), beliau berkata, dadah sintetik yang dibuat menggunakan campuran bahan kimia itu mula dikesan di Eropah sejak tiga tahun kebelakangan ini.

Jelasnya, di Eropah hampir 800 jenis jenama yang berunsurkan NPS telah dikenal pasti

tetapi di Malaysia, hanya lebih 20 jenis dikenal pasti manakala yang berdaftar di bawah akta racun hanya tujuh jenis.

Mohamad berkata, dadah jenis baharu itu mudah dijual dalam pelbagai bentuk seperti minuman dan gula-gula dengan harga semurah RM5 berbanding dadah sintetik sebelum ini yang harganya ialah RM30 hingga RM50.

Katanya, dadah tersebut dijual pada harga murah kerana pengeluarannya dilakukan dalam kuantiti yang banyak dengan penggunaan kos sedikit, selain mudah mendapatkan bahan-bahan campuran.

"Dadah tersebut boleh meninggalkan kesan kegusaran dan ketakutan pada orang awam kerana mereka yang mengambil



MOHMAD (tiga dari kiri) bersama Pengetua SMK Chendering, Radziah Ismail (kanan) ketika merasmikan majlis penyampaian Sijil Watikah Pelantikan Pengawas Sekolah di SMK Chendering, Kuala Terengganu semalam.

dadah sebegini akan menjadi berrani sehingga boleh mendatangkan kecederaan kepada orang awam," katanya. - Bernama